



## MAJLIS PERASMIAN KOMUNITI HAB TAMAN MURAI JAYA



Pada 20 September 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan Komuniti Hab di Taman Murai Jaya, Durian Tunggal Melaka. Projek “ruang sosial generasi baharu” ini merupakan projek yang pertama kali dilaksanakan di luar Lembah Klang dan merupakan projek ketiga di seluruh Malaysia.

Komuniti Hab dilaksanakan dengan tujuan untuk menyumbang kepada kelestarian pembangunan komuniti mampan seperti yang digariskan dalam Agenda Mampan 2030.

Dalam majlis yang sama, beliau juga menyarankan agar komuniti setempat untuk bergiat aktif dalam melaksanakan program kitar semula dan kebun komuniti agar ia dapat menyumbang kepada pertambahan pendapatan terutama golongan B40.



Projek ini memberi penekanan khusus untuk golongan miskin bandar, asnaf dan komuniti B40 dalam memastikan kehidupan di dalam bandar yang lebih sejahtera, berdaya tahan dan mampan dalam menjalankan aktiviti sehari-hari, ekonomi serta menggalakkan hubungan kejiranan yang sihat.

Projek ini berjaya disiapkan dalam tempoh 3 bulan selepas pandemik COVID-19 dengan melalui proses perbincangan bersama *stakeholders*, komuniti, merekabentuk dan menyiapkan kontena dengan perpustakaan mini dan ruang pembelajaran, sistem penuaian air hujan, ‘*art plaza*’, projek kebun kita, inisiatif rendah karbon, dan “*community low-income entrepreneur programme*” yang menjadi nilai tambah dalam memperkasakan komuniti.

Beliau juga telah menggariskan beberapa “KPI” buat Rakan strategik KPKT untuk melakukan program-program di kawasan ini antaranya program kitar semula, mewujudkan Bomba Komuniti, mengadakan demonstrasi pemadam kebakaran kepada suri rumah, mengendalikan program bersama pemimpin dan menganjurkan sesi dialog berkaitan inisiatif kerajaan seperti PENJANA.

Adalah menjadi harapan agar komuniti setempat untuk terus memastikan kemudahan yang disediakan di Komuniti Hab ini dijaga dengan baik.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat